

## KARANGAN SURAT KIRIMAN RASMI

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang tepat

menjalankan aktiviti-aktiviti                      mengisi masa lapang                      Yang benar  
perbincangan atau mesyuarat                      mewakili penduduk Kampung Petonia  
kelas seni pertahanan diri                      kewujudan  
mengadakan                      mempertimbangkan                      Memohon Pembinaan Dewan

Jawatankuasa Kemajuan Kampung,  
Kampung Petonia,  
92400 Kuching.

Tuan Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah Siburan,  
92400 KUCHING.

24 OGOS 2019

Tuan,

Merujuk kepada perkara di atas, saya \_\_\_\_\_ untuk memohon pembinaan dewan di kampung kami.

2. Untuk pengetahuan tuan, selama ini pihak kami \_\_\_\_\_ mesyuarat di masjid atau rumah orang-orang kampung. Kami berasakan bahawa tempat itu tidak sesuai untuk dijadikan tempat \_\_\_\_\_. Oleh sebab itu, \_\_\_\_\_ dewan amat penting kepada kami. Dewan menjadi tempat kami berkumpul, berbincang atau bermesyuarat.

3 Dengan adanya dewan, kami dapat \_\_\_\_\_ kampung dengan lancar dan lebih berkesan. Kami juga boleh mengadakan kelas tuisyen, \_\_\_\_\_ dan kegiatan-kegiatan lain untuk golongan belia di kampung ini. Aktiviti ini membolehkan golongan belia \_\_\_\_\_ mereka secara berfaedah.

4. Oleh hal yang demikian, besarlah harapan kami agar pihak tuan \_\_\_\_\_ permohonan kami dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

\_\_\_\_\_

*SHS*

(SHIFA BINTI SAMAD)  
Setiausaha,  
Jawatankuasa Kemajuan Kampung